



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	05/06/2012

# Tun Mahathir gesa kaji pengajian IPT

**CYBERJAYA:** Kerajaan diminta mengkaji semula sistem pembelajaran dan pengajaran di institusi pendidikan tinggi (IPT) tempatan bagi memastikan ia relevan dan mampu memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja pada masa depan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu perlu kerana sistem pendidikan di Malaysia diwarisi daripada penjajah Inggeris yang memberi penekanan terhadap as-

pek akademik (teori), berbanding latihan praktikal.

"Kita boleh lihat wujud perbezaan ketara antara pembangunan industri automotif kini menjadi sektor perindustrian terbesar di Jerman berbanding di Britain yang hampir lenyap.

"Saya berpendapat pendekatan digunakan Akademi KRU ini sesuai dan menjadi contoh atau model baru untuk menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan," katanya selepas merasmikan

penubuhan Akademi KRU di sini, petang semalam.

Pada majlis itu, Ketua Pegawai Operasi Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad, Ahmad Izham Omar turut diumumkan sebagai Ahli Panel Penasihat KRU Akademi bersama lima pakar dari luar dan dalam negara.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata beliau bersedia dihadapkan ke mahkamah sekiranya pihak pembangkang mempunyai bukti kukuh bahawa beliau terba-

bit dengan skandal penyelewengan wang ketika memegang jawatan sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan pemimpin veteran DAP merangkap Ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang, baru-baru ini bahawa Dr Mahathir khawatir jika pakatan pembangkang mengambil alih Putrajaya, skandal kewangan sepanjang 22 tahun pemerintahannya akan didedahkan.